

# **Pemikiran Islam (Allahyarham) Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria**

## *Islamic thinking of Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria*

KAMARUDIN SALLEH\* & NURUL ATHIRAH MOHAMAD ANUAR<sup>1</sup>

### **ABSTRACT**

*This study intended to discuss several issues regarding the Islamic thinking of Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria, relevant to solving some current issues that have become part of society's current problems. This study focuses on his views and thoughts on several current legal issues, such as the Malay Bible, Apostasy, and respecting non-Muslim festival issues, which are controversial issues among other scholars. The objective of this study was to thoroughly study the biography of Harussani Zakaria, including the background of his life, education, and career, gather his thoughts or views regarding Islamic thought and analyze his contributions to career, society, and country. Data were collected using the library research method involving books found in the Tun Seri Lanang Library. In addition, the observation and interview methods were also used by involving an interview with Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria at the Perak Mufti's Department on April 16, 2013. The findings of the study show that the Islamic thinking advocated by Harussani Zakaria is relevant and practical in everyday life, in general, and for preachers in every age and place, in particular.*

**Keywords:** *Islamic Thinking, Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria,*

---

<sup>1</sup> **Kamarudin Salleh\*** Ph.D. (Corresponding Author), Assoc. Prof. at Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: [dins@km.edu.my](mailto:dins@km.edu.my); **Nurul Athirah Mohamad Anuar**, M.A. candidate at the Research Centre for Theology & Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 BANGI, Selangor, MALAYSIA. Email: [nurul@ukm.edu.my](mailto:nurul@ukm.edu.my)

## PENGENALAN

Gerakan pembaharuan pemikiran dalam masyarakat Melayu atau Islam di Alam Melayu yang dikenali sebagai “gerakan reformasi/modenisasi” berlaku sejak akhir abad ke-19 hingga menjelang abad ke-20. Istilah gerakan pembaharuan dalam agama Islam atau al-Islah al-Diniy bertujuan untuk mengembalikan kefahaman umat Islam kepada ajaran Islam yang sebenarnya. Gerakan Islam di peringkat awal ini juga bertujuan untuk menentang pencemaran pemikiran umat Islam akibat pengaruh ajaran Hindu-Buddha dan animisme yang tidak selari dengan ajaran Islam (Zulkifli Haji Yusof 1993:163).

Perjuangan gerakan al-Islah al-Diniy yang bertujuan untuk mengembalikan kefahaman umat Islam kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijthihad yang dipelopori oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Haji Abbas Mohd Taha dan Syed Syeikh al-Hadi yang berlaku pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 seperti yang dihuraikan di atas tidak dapat dinafikan telah berjaya membangkitkan kesedaran umat Islam khususnya di Tanah Melayu (Mohd Jamil bin Mukmin 2009: 9).

Perbincangan tentang tokoh dakwah Islam sebagai wahana ulama era kontemporari penting kerana mereka sangat berperanan dalam konteks Islam semasa. Di negara ini, nama Tan Sri Dato’ Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria begitu terkenal sebagai seorang tokoh ulama yang sangat sinonim sebagai seorang murrabi yang berusaha melakukan transformasi khususnya dalam memperkasakan tarbiyah dalam dakwah Islam. Penyelidikan tulisan ini mengkaji, membincangkan dan membongkar pemikiran Islam Harussani Zakaria ini adalah sangat penting kerana ia adalah merupakan aset dan khazanah intelektual muslim yang bernilai tinggi.

## BIOGRAFI RINGKAS

Tan Sri Dato’ Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria merupakan anak bongsu kepada pasangan Haji Zakaria bin Haji Osman dan Hajjah Zainab binti Jalaluddin. Beliau dilahirkan pada 8 April 1939 di Kampung Parit Tok Ngah, Tanjung Piandang, Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan. Beliau berasal dari keturunan Banjar (al-Banjari). Dahulunya keturunan Banjar sangat kuat berpegang kepada agama dan ramai yang menjadi ulama. Ayah beliau yang berasal dari Banjarmasin, Kalimantan merupakan seorang yang tegas dalam memberikan didikan agama kepada anak-anaknya. Pernah ketika kecil dahulu, Tan Sri Harussani Zakaria dimarahi ayahandanya kerana balik lewat petang disebabkan leka bermain bola sepak bersama kawan-kawannya.

Harussani Zakaria mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Kedah, Parit Buntar sebelum menyambung pengajian menengah di Anglo Chinese School, Parit Buntar, Perak. Bagaimanapun, takdir Allah S.W.T. pada ketika ini terdetik di hati beliau untuk mempelajari ilmu-ilmu agama secara mendalam. Ketika beliau berusia 17 tahun beliau menyatakan hasrat untuk keluar dari sekolah aliran Inggeris, beliau telah dipujuk oleh guru-guru di sekolah tersebut agar menimbang balik hasratnya itu memandangkan beliau adalah pelajar cemerlang di sekolah tersebut. Namun bak kata pepatah: “Kalau nak seribu daya, kalau tak nak seribu dalih”, “alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan”, Harussani Zakaria tekad untuk menyambung pengajian beliau di Sekolah Idrisiah, Kuala Kangsar, Perak dari tahun 1956 hingga tahun 1959. Waktu itu, Syeikh Zubir menjadi mudir manakala Ustaz Salleh Billah sebagai naib mudirnya. Disebabkan oleh sifat kepimpinan beliau, pihak Mudir Madrasah telah melantik beliau

sebagai Ketua Umum Madrasah yang diberi tanggungjawab mengawas disiplin pelajar dan menjadi wakil pelajar. Sewaktu era beliau menjadi pelajar, disiplin amat ketat dan Syeikh Zubir sewaktu itu sememangnya tegas dan tidak mudah berkompromi dalam soal disiplin dan pelanggaran syarat. Sesiapa yang tidak sembahyang berjemaah di masjid akan dihukum dan sebagainya. Pada setiap hari khamis, pelajar-pelajar dilatih bersyarah untuk persediaan mereka menjadi Da'i (pendakwah) (<http://www.arkib.gov.my>).

Beliau menyertai program diskusi ilmiah dan mengulangkaji pelajaran secara berkumpulan. Mata pelajaran yang beliau minati ialah ilmu Faraid. Pada waktu itu, berlakunya mogok pelajar beberapa kali dan beliau sebagai wakil pelajar telah berunding dengan pihak Mudir yang diwakili oleh Ustaz Nawawi menyebabkan beberapa pelajar dibuang sekolah. Beliau telah dituduh melaporkan hal mogok itu serta menjadi mangsa tidak puas hati pelajar-pelajar lain menyebabkan beliau akhirnya memohon meninggalkan Idrisiah untuk menyambung pelajaran di sekolah Agama al-Attas di Johor Bharu pada tahun 1959 hingga 1960, di mana beliau sepatutnya menamatkan pelajaran sehingga Darjah Tujuh tetapi hanya sempat hingga darjah lima sahaja di Idrisiah kerana masalah tersebut. Di sini beliau amat bertuah kerana tenaga-tenaga pengajar di sekolah baru beliau ini kebanyakannya berasal dari Hadramaut, Yaman. Tanpa berlengah lagi, Tan Sri mengambil kesempatan daripada tenaga-tenaga pengajar tersebut untuk mendalami bahasa Arab termasuk bertutur dalam bahasa Arab.

Kembara ilmu beliau kemudiannya diteruskan lagi apabila beliau menyambung pelajarannya di Kolej Islam Malaya Klang (KIM), Selangor dari tahun 1960 hingga tahun 1964. Semasa belajar di KIM, beliau merupakan pelajar yang rajin bertanya dan sering berhujah dengan ustaz-ustaz yang mengajar di KIM. Disebabkan kepetahan beliau berhujah, para pelajar lain telah menjadikan beliau sebagai rujukan apabila mereka menghadapi sesuatu masalah dalam pelajaran. Di sana, beliau mendapat Sijil Tertinggi Kolej (B.A) dan Diploma Pendidikan.

### **KERJAYA**

Sebaik sahaja menamatkan pengajian KIM, Tan Sri telah diterima bekerja sebagai penterjemah di Unit Cawangan Khas, Kementerian Dalam Negeri dari tahun 1964 hingga 1967 dan menjadi kadi di Jabatan Agama Pulau Pinang pada tahun 1967 hingga 1973. Seterusnya, beliau menjawat jawatan sebagai pensyarah sambilan di Maktab Perguruan Persekutuan Gelugor, Pulau Pinang pada tahun 1968 hingga 1978 dan di Sekolah Latihan Pergigian Pulau Pinang pada tahun 1970 hingga 1984. Sepanjang bertugas sebagai pensyarah sambilan, beliau dilantik untuk berkhidmat sebagai kadi besar di Jabatan Agama Pulau Pinang pada tahun 1973 hingga tahun 1985 ekoran khidmat cemerlang beliau sebagai kadi. Setelah itu, beliau mula berkhidmat di Jabatan Agama Islam Perak sebagai Mufti Perak mulai tahun 1985 sehinggalah meninggal.

### **SUMBANGAN DAN KHIDMAT MASYARAKAT**

Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria amat dikenali kerana penglibatan beliau yang amat meluas dalam masyarakat.

Di peringkat Negeri:

1. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Darul Ridzuan, dari Oktober 2000 hingga meninggal.

2. Pengerusi Jawatankuasa Syariah Negeri Perak Darul Ridzuan.
3. Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak.
4. Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.
5. Ahli Lembaga Pengarah IDC Urus Ladang Sdn. Bhd. (Anak Syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Perak) Perak Darul Ridzuan.
6. Ahli Lembaga Pengarah IDC Niaga Sdn. Bhd. (Anak Syarikat PKEINPK)
7. Pengerusi Jawatankuasa Khas Penyelaras Dakwah dan Pembelajaran Negeri.
8. Ahli Dewan Negara Negeri Perak.
9. Ahli Tetap Lembaga Pengarah Kolej Islam Darul Ridzuan.
10. Ahli Jawatankuasa Majlis Keutuhan Negeri Perak Darul Ridzuan.

Di peringkat Persekutuan:

1. Pengerusi Jawatankuasa Penapisan Bahan-Bahan Terbitan Berunsur Islam.
2. Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Teks al-Quran (KDDN- Timbalan Pengerusi).
3. Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia.
4. Ahli Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
5. Majlis Penasihat Syariah e-Tiqa Sdn Bhd.
6. Pengerusi Lembaga Pengelola Kolej UNISMA.
7. Pengerusi Majlis Pengawasan Syariah SME Bank Berhad.
8. Ahli Majlis Pengawasan Amanah Raya Berhad.
9. Ahli Majlis Penasihat Kumpulan Maybank.
10. Ahli Panel Penasihat Syariah Permodalan Nasional Bhd.
11. Ahli Majlis Universiti Islam Malaysia (UIM).

Selain daripada jawatan-jawatan di atas, Tan Sri Harussani juga aktif melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti bersama masyarakat. Antaranya ialah memberi ceramah agama di masjid dan surau, sekolah-sekolah Menengah dan Rendah, Jabatan-jabatan Kerajaan, institut pengajian tinggi dan institusi agama di seluruh negara. Selain itu, beliau juga aktif sebagai panel jemputan dalam forum-forum agama anjuran jabatan-jabatan kerajaan dan kementerian-kementerian dalam dan luar negara. Beliau juga sering dijemput untuk memberi ucapan utama dan membentangkan kertas kerja di dalam seminar yang dianjurkan Jabatan-jabatan kerajaan dan swasta di peringkat negeri dan kebangsaan dan juga antarabangsa.

1. Persidangan Ulama Nusantara: Islam di Alaf Baru: Menggaris Agenda di Alaf Baru pada 26 November 1998.
2. Seminar Pemindahan Ginjal dan Cabaran Kemajuan yang dihadapi Islam di Singapura
3. Ceramah dan Dialog bersama pelajar-pelajar di Washington, Amerika pada tahun 1996
4. Dialog Agama di antara Penganut Islam, Yahudi dan Kristian pada tahun 1989 di Bendor, Jerman.
5. Lawatan sambil belajar di negara-negara Timur Tengah dan Eropah anjuran Lembaga Perancang Keluarga Negara dari 1 hingga 9 Mac 1977

### **KARYA-KARYA**

Dalam arena penulisan, beliau turut tidak ketinggalan menyumbang dengan mencurah dan berkongsi ilmu yang ada. Antara penerbitan yang telah beliau hasilkan iaitu penulisan dan kertas kerja yang dibentangkan dalam seminar-seminar yang dianjurkan.

Penulisan:

1. Irsyad Hukum yang menyentuh persoalan semasa
2. Muamalah Hidup Islam iaitu kompilasi 13 tajuk kertas kerja yang diterbitkan pada tahun 1996.
3. Syaitan Musuh Insan, Tahun (4) Siri (17) (1398/1978)
4. Hukum-hukum Perkahwinan (1999)
5. Amalan di Bulan Ramadhan Mengikut al-Quran dan as-Sunnah (1998)
6. Rukyah dan Hisab (2000)
7. Ibadah Qurban (1999)

Kertas Kerja:

1. Siapa kita
2. Kesantunan yang Mulia
3. Kerja sebagai aktiviti Ibadat
4. Peranan Da'i menuju ke Wawasan 2020
5. Kontrasepsi Dan Perancang Keluarga
6. Islam Pada Pandangan Orang Bukan Islam di Malaysia
7. Zakat Membawa Berkah Mensyukuri Nikmat
8. Baitulmal, Zakat Dan Wakaf: Hukum Dan Pelaksanaan

9. Islam Dan Cabarannya Masa Kini
10. Penerapan Nilai-Nilai Islam
11. Pemindahan Ginjal
12. Peranan Dan Tanggungjawab Ulama

### **ANUGERAH-ANUGERAH YANG DITERIMA**

Sepanjang beliau memegang jawatan seperti yang dinyatakan sebelum ini, beliau telah menerima beberapa anugerah sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau sumbangkan sepanjang perkhidmatan beliau dalam kerjaya.

Pada tahun 1975, beliau menerima Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang semasa beliau berkhidmat sebagai Kadi Besar di Jabatan Agama Pulau Pinang. Manakala pada tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1976, beliau memperolehi Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pada tahun 1978, beliau memperolehi anugerah sebagai Ahli Mangku Negara (AMN) oleh penganugerah yang sama.

Pada tahun 1986, DYMM Paduka Seri Sultan Perak menganugerahkan Tan Sri Dato Seri Haji Harussani dengan pingat Darjah Paduka Mahkota Perak (DPMP yang membawa gelaran Dato') semasa beliau menjawat jawatan sebagai Mufti Kerajaan Jabatan Agama Perak di Negeri Perak.

Pada tahun 1994 pula, beliau diberi penganugerahan oleh DYMM Seri Paduka Baginda YDP Agong dengan anugerah Jaksa Setia Mahkota (JSM). Seterusnya pada tahun 1999, beliau dianugerahkan pingat Seri Paduka Mahkota Perak (SPMP yang membawa gelaran Dato' Seri) oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak.

Pada tahun 2001, Tuanku Canselor Universiti Malaya, DYMM Paduka Seri Sultan Perak menganugerahkan Tan Sri Dato' Seri Harussani dengan anugerah Darjah Kehormat Doktor Syariah (membawa gelaran Dr.).

Seterusnya, beliau juga pernah dianugerahkan sebagai tokoh Maal Hijrah 1429 sempena Sambutan Maal Hijrah 1429 peringkat Kebangsaan pada tahun 2008. Pada tahun berikutnya iaitu tahun 2009, beliau menerima Darjah Kebesaran Dato' Seri Azlan (DSA) sempena Sambutan Perayaan Jubli Perak Pemerintahan DYMM Paduka Seri Sultan Perak. Pada tahun yang sama iaitu tahun 2009, beliau menerima anugerah Panglima Setia Mahkota (PSM yang membawa gelaran Tan Sri) sempena Hari Keputeraan Yang Dipertuan Agong.

Dan yang terakhir, beliau menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Pendidikan Islam (yang membawa gelaran Dr.) pada tahun 2010 sempena Istiadat Konvokesyen ke-12 Universiti Pendidikan Sultan Idris.

### **SUMBANGAN PEMIKIRAN ISLAM**

Secara hakiki sejarah pertumbuhan pemikiran Islam sejak awal pertumbuhannya adalah berkait dengan sejarah kemunculan dan aliran mazhab atau firqah. Dengan demikian, ilmu kalam, ilmu fiqh dan ilmu tasawuf menjurus pada persoalan aliran atau mazhab.

Menurut Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria yang bertajuk "Nasihat-nasihat Mufti untuk Membaiki Keadaan Umat" menjelaskan bahawa antara sendi kekuatan tertegaknya agama Islam yang mulia ini ialah budaya nasihat-menasihati yang disambut dengan perasaan yang berlapang dada. Ruang lingkup perkara yang boleh dimasuki oleh budaya yang mulia ini ialah seluas kehidupan itu sendiri (Zamri bin Hashim. 2008: ii).

Dalam mengharungi kehidupan bermasyarakat yang semakin kompleks ini, pelbagai cabaran dan dugaan yang terpaksa kita tempuhi. Apatah lagi, isu-isu yang berbangkit dan cuba dibangkit oleh pelbagai pihak mempunyai kaitan terus dengan urusan agama. Hal ini membangkitkan keinginan Harussani Zakaria untuk mencurahkan sumbangan pemikiran bagi membantu masyarakat menangani cabaran- abaran tersebut.

### **PERPADUAN UMAT MELAYU TUNJANG ISLAM DI MALAYSIA**

Dalam konteks Islam di Malaysia, umat Melayu merupakan tunjang kepada umat Islam. Umat Melayu di dalam perlembagaan Persekutuan ditakrifkan sebagai orang Islam. Dalam erti kata lain dalam konteks Malaysia, bangsa Melayu dan agama Islam adalah seiring dan tidak boleh dipisahkan.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Fathir ayat 31-32 yang bermaksud: "Dan al-Quran yang kami wahyukan kepadamu (Wahai Muhammad) ialah yang benar (segala-galanya) yang tetap mengesahkan Kitab-kitab yang diturunkan sebelumnya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan sedalam-dalamnya akan keadaan sekalian hambaNya, lagi Maha Melihat dan Memerhatikan. Kemudian kami jadikan al-Quran itu diwarisi oleh orang-orang yang Kami pilih dari kalangan hamba-hamba Kami; maka di antara mereka ada yang berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan tidak mengindahkan ajaran al-Quran), dan di antaranya ada yang bersikap sederhana, dan di antaranya pula ada yang mendahului (orang lain) dalam berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu ialah limpah kurnia yang besar (dari Allah semata-mata)."

Terlebih istimewa, apabila surah al-Fathir di atas dapat diterjemahkan dalam kedudukan umat Melayu di Malaysia. Bagaimana bangsa Melayu telah dimuliakan oleh Allah S.W.T. dengan Islam dalam sebilangan kaum di Malaysia, bangsa Melayu telah terpilih bagi mewarisi al-Quran untuk diamalkan dan didaulatkan. Bangsa Melayulah yang bertanggungjawab melaksanakan, mendakwahkan dan mempertahankan kedudukan Islam di Malaysia. Bukan maksud beliau di sini untuk mengenyepikan bangsa-bangsa lain yang beragama Islam di Malaysia. Namun secara dasarnya umat Melayu dilihat sebagai orang Islam, sehingga wujud istilah "masuk Melayu". Ini menggambarkan jatuh bangun umat Melayu akan dilihat jatuh bangun Islam di Malaysia (Harussani Zakaria. t.th.: 40).

Akhir-akhir ini, kedengaran kembali seruan untuk umat Melayu untuk bersatu. Kenyataan ini mula kedengaran kembali apabila Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan komitmen serta kesediaan UMNO untuk bertemu dan menjalin kerjasama dengan PAS dalam pelbagai bidang termasuk dalam usaha untuk memperkukuhkan Islam serta kedudukan umat Melayu di negara ini (Utusan Malaysia, 14 Jun 2010). Tan Sri Harussani Zakaria berpendapat seruan perpaduan ini merupakan satu seruan penting yang mesti disambut serius oleh semua orang. Ini kerana perpaduan umat Melayu bermakna perpaduan umat Islam di Malaysia.

Siasah atau politik adalah sebahagian dari Islam. Parti pula wujud hasil dari pemikiran dan pendekatan yang berbeza dalam siasah atau politik. Contohnya PAS dan UMNO hari ini dilihat merupakan 2 parti besar yang mewakili umat Melayu di Malaysia. Kedua-duanya menyatakan memperjuangkan bangsa Islam dan Melayu dengan masing-masing mempunyai hujah dan dalil tersendiri. Maka kerana itulah beliau berpendapat selagi parti itu mewakili gaya pendekatan dan pemikiran yang tidak bertentangan prinsip syariat, maka tiada siapa yang berhak mendakwa ia memiliki kebenaran mutlak. Mereka mungkin benar dan mungkin salah (Harussani Zakaria. t.th.:41). Maka jika ini dapat difahami, beliau yakin perpaduan Melayu dapat direalisasikan. Perpaduan bukan bermakna membubarkan parti dengan memasuki parti yang satu lagi. Seperti yang disebutkan tadi parti hanya mewakili gaya pendekatan dan pemikiran. Sedangkan kepelbagaian ini merupakan satu fitrah yang merupakan cabang. Parti hanya wujud ketika mana berlakunya pilihanraya. Ketika wujudnya kerajaan yang dipilih, maka parti itu akan menjadi kerajaan yang sepatutnya bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat tanpa mengira parti apa sekalipun. Seperti kata orang hari ini, “biar pun banyak persatuan namun satu kesatuan.”

Firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Imran ayat 103 yang bermaksud: “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai” Seperti cabang yang asalnya akar, maka begitulah juga parti yang asalnya Islam. Islam perlu dijadikan kata pemutus bukan Islam yang dikorbankan untuk parti. Inilah yang beliau lihat ruh dan panduan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. di dalam surah di atas. Islam adalah kata putus dari Allah yang jauh dari kelemahan dan kepentingan peribadi atau kumpulan. Inilah yang dibuktikan oleh baginda Nabi S.A.W. bila menyatukan c Aus dan Khazraj mahupun bangsa Quraisy.

Bangsa Melayu sepatutnya bersatu padu dan bersatu atas akar Islam. Apa yang beliau maksudkan ialah jika PAS dan UMNO telah menyatakan komitmen mereka dalam memperjuangkan agama, bangsa dan negara, maka biarlah Islam yang menjadi kata putus. Inilah maksud dari “berpegang dengan tali Allah” seperti yang di atas.

### **IKHLAS: SYARAT PERPADUAN**

Namun syarat utama perpaduan ini, semua pihak perlulah ikhlas. Amat buruk lagi keji jika seruan perpaduan bersulamkan niat meretakkan. Jangan tangan kanan menghulur madu, tangan kiri menghulur racun. Keikhlasan seperti yang ditakrifkan Allah dalam surah al-Ikhlas yang menyatakan semuanya kerana Allah S.W.T. Keikhlasan yang berpaksi pada iman kepada Allah Yang Esa, tempat segala pergantungan dan menjauhkan syirik dari Allah S.W.T.

Perpaduan inilah nanti akan melahirkan kasih sayang dan hormat-menghormati di antara satu sama lain. Perpaduan atas dasar selain ini hanyalah bersifat kosmetik dan sementara. Hati yang penuh iman itulah nanti, akan dihipunkan Allah dalam satu sibghah (acuan) seperti firman Allah S.W.T. dalam surah al-Anfal ayat 63: Maksudnya: “Dan (Dia lah) Yang menyatu-padukan di antara hati mereka (yang beriman itu). Kalaulah Engkau membelanjakan segala (harta benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Dia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Dalam proses pembinaan negara pula, semua pihak diberikan ruang dan peluang untuk menyumbang dalam proses pembangunan negara. Tiada wujud nepotisme, kronisme mahupun masalah rasuah. Semua ini mampu sekiranya semua bersatu untuk menegakkan Islam.



## LIBERALISME DAN PLURALISME

Permasalahan umat Islam di negara ini semakin meruncing dan menghadapi pelbagai tekanan dari segenap penjuru. Golongan bukan Islam semakin berani mencampuri urusan umat Islam. Malahan yang bergelar Islam yang rapuh pengetahuan agamanya, turut mengancam Islam.

Gerakan liberalisme ini sebenarnya adalah pengaruh daripada falsafah liberalisme yang berkembang di negara Barat yang telah masuk ke dalam seluruh bidang kehidupan seperti liberalisme ekonomi, liberalisme budaya, liberalisme politik, dan liberalisme agama. Gerakan Liberalisme di Barat bermula dengan gerakan reformasi yang bertujuan menentang kekuasaan Gereja, menghadkan kekuasaan politik, mempertahankan pemilikan serta menetapkan hak asasi manusia (Harold Laski dan John L. Stanley 1997: 15).

Gerakan liberalisme tersebut masuk ke dalam bidang agama, sebagai contoh gerakan reformasi Inggeris bertujuan untuk menghapuskan ketuanan dan kekuasaan golongan agama (papal jurisdiction) dan menghapuskan cukai terhadap gereja (clerical taxation). Oleh sebab itu, gerakan liberalisme berkait rapat dengan penentangan terhadap agama dan sistem pemerintahan yang dilakukan oleh golongan agama (gereja) atau raja-raja yang memerintah atas nama Tuhan (Khalif Muammar 2009:75).

Liberalisme iaitu kebebasan individu tanpa had ialah fahaman yang timbul pada kurun ke-16 dan 17 ketika zaman kebangkitan atau Renaissance iaitu golongan intelektual menyerang pentadbiran gereja.

Pemikiran ini mula meresap ke golongan intelektual dan profesional Islam sejak beberapa tahun lalu dan mula menunjukkan kelantangannya sejak akhir-akhir ini, apabila menyeru supaya apa yang berlaku kepada Kitab Injil dilakukan terhadap al-Quran dengan kenyataan meminta al-Quran diolah semula.

Mereka lupa bahawa sejak al-Quran diturunkan, jutaan umat Islam menghafaznya dalam bahasanya yang asal dan tiada sesiapa boleh menambah atau mengurangkan walau satu huruf dalam kitab suci itu. Mereka menuduh pula al-Quran sebagai mushaf Quraisy, tetapi berdasarkan sejarah kita sendiri tahu bahawa orang yang menjadi jurutulis al-Quran terdiri daripada pelbagai keturunan termasuk dari Afrika.

Di Malaysia, golongan ini tidak membuat pengisytiharan terbuka mengenai kedudukan mereka berbanding di tempat lain seperti di Indonesia. Di negara ini, mereka hanya meledakkan idea fahaman itu menyatakan al-Quran mesti diolah semula, ayat berkaitan sistem faraid serta amalan poligami tidak relevan lagi serta kedudukan lelaki sebagai superior dalam rumah tangga juga sudah tidak relevan. Ia mungkin tidak lagi relevan dalam masyarakat Barat kerana Kitab injil itu mereka karang sendiri. Sebenarnya, Tuhan Maha Bijaksana dengan menciptakan hukum untuk hambanya.

Walaupun sekarang zaman atom, zaman nuklear, kemudahan untuk manusia dan alam itu tetap wujud maka Tuhan mengaturkan sesuatu untuk dijadikan pegangan manusia itu dan ia sesuatu yang sempurna. Islam liberal menghalalkan perkahwinan sejenis, manusia normal dan waras mana yang boleh menerimanya kerana perkahwinan itu tetap bertujuan menyambung

kesinambungan zuriat manusia. Itu tujuan asas perkahwinan. Jika perkahwinan sejenis dibenarkan, tiada lagi keturunan manusia (pada masa depan). Tetapi, oleh kerana mereka mahu menerima budaya moden, mereka sanggup mengorbankan akal, fikiran dan nafsu asasi, malah menjual agama untuk kepentingan dunia yang sedikit (Temubual. Jabatan Mufti Perak. 16 April 2013).

Bilangan sebenar sukar dinyatakan kerana mereka tidak berpersatuan. Tetapi kita beranggapan walaupun mereka tidak menganggotai persatuan itu, mereka banyak mendapat sokongan kerana golongan menerima fahaman ini boleh dikategorikan sebagai intelektual. Golongan profesional tertentu pandai bercakap dan menulis sedangkan ulama dan golongan yang memperjuangkan Islam di negara ini tidak begitu profesional serta tidak cenderung dalam menulis menyebabkan tulisan mereka jarang kita lihat untuk menangkis fahaman ini.

Khususnya serangan ini dibuat dalam bahasa Inggeris, sekali gus mempengaruhi golongan berpengetahuan dalam bahasa Inggeris sedangkan ulama kita kurang sangat tahu bahasa Inggeris serta kurang membuat kajian pergerakan liberal dari segi akar umbinya. Oleh itu, rahsia penganut fahaman ini sukar diketahui dan hujahnya tidak ditangkis. Ini merupakan kekurangan kepada pejuang Islam dan mereka mengambil kesempatan daripada kekurangan ini.

Malah, mereka bergabung dengan (sesetengah pihak) agama lain yang sememangnya juga tidak ingin melihat kekuatan Islam tegak di Malaysia. Masalah lain pula ialah gerakan ini dipelopori golongan berpendidikan tinggi secara Barat dan mempunyai kedudukan tinggi dalam masyarakat. Ini agak sulit sedikit berbeza dengan golongan Ayah Pin.

### **TINDAKAN BAGI MENGEKANG FAHAMAN LIBERALISME**

Menurut Harussani Zakaria, kita perlu beri kesedaran. Kita tidak boleh membanterasnya tanpa beri kesedaran, khususnya di kalangan ulama dan guru agama. Jika mereka (ulama dan guru agama) sendiri tidak faham, bagaimana mahu berhadapan dengan golongan ini dan mungkin mereka sendiri pula akan terpengaruh.

Beliau juga mencadangkan dialog dengan mereka dengan pembabitan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Jabatan Mufti setiap negeri. Setakat ini, hanya pendapat dan belum ada fatwa secara rasmi mengatakan mereka sebagai ajaran sesat. Ia dinyatakan pada Muzakarah Ulama 2006 di Ipoh, dalam satu daripada resolusinya ialah fahaman liberalisme dan pluralisme ini adalah ajaran sesat.

Seminar itu dihadiri Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri atau wakilnya, intelektual Islam, Mufti Kelantan, Sabah, Johor, Kedah serta wakil Mufti bagi negeri lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam.

### **MENGHORMATI KEPELBAGAIAN AGAMA**

Firman Allah S.W.T. di dalam surah al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang

lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)”.

Konsep taaruf antara sesama muslim biarpun dilahirkan dan dididik dalam suasana berlainan bangsa dan etnik ialah dengan mengeratkan ukhwh Islam. Manakala taaruf dengan non-Muslim ialah “sulh” bermaksud membina dan memupuk situasi damai dan harmonis dengan mereka. Ini berdasarkan firman Allah S.W.T dalam Surah al-Anfal ayat 61 iaitu: Maksudnya: “Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka Engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”. Dalam paparan hidup Rasulullah S.A.W. telah digambarkan manifestasi bagaimana hubungan dengan bukan Islam telah dititik beratkan oleh baginda S.A.W. Ini telah terbukti berdasarkan catatan di dalam Sahifah (perlembagaan) Madinah di dalam fasal tertentu seperti di fasal 16 yang menyatakan “bahawa sesungguhnya kaum Yahudi yang setia kepada kita (negara), berhak mendapat bantuan dan perlindungan, tidak boleh dikurangi haknya dan tidak diasingkan dari pergaulan umum”. Begitu juga fasal 24 yang menyatakan “kaum Yahudi dari suku Banu Auf adalah satu ummah dengan warga yang beriman. Kaum Yahudi bebas memeluk agama mereka, dan kaum muslimin bebas memeluk agama mereka”.

Menurut Tan Sri Harussani Zakaria, beliau bersetuju dengan hasil penulisan beberapa penulis yang berpendapat bahawa untuk merealisasikan hubungan yang harmonis antara umat Islam dengan non-muslim hari ini, beberapa perkara perlu diambil perhatian antaranya ialah mewujudkan situasi dan persekitaran yang harmonis, damai dan sejahtera di mana, setiap insan tanpa mengira agama dan bangsa dapat hidup dengan aman dan damai tanpa ketakutan dan ancaman dan gangguan pihak lain. Di samping itu, semua pihak perlu berusaha memupuk semangat setia kawan dan mahabbah supaya tiada perasaan hasad dengki, dendam, curiga-mencurigai dan mementingkan diri sendiri. Begitu juga, perlulah membina semangat kerjasama dan saling tolong-menolong dalam menjaga kestabilan perjalanan kehidupan dalam kehidupan masyarakat.

Dalam hal ini, beliau mencatatkan memori lalu tentang perhubungan beliau yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Kadi Besar Pulau Pinang dengan mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu mantan Ketua Menteri Pulau Pinang. Beliau menilai perhubungan ini sebagai detik manis dalam hidup beliau sebagai seorang Islam dan mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu sebagai seorang non-muslim. Biarpun mendiang bukan seorang Islam, namun sikap hormatnya terhadap beliau dan institusi agama membuatkan beliau terfikir alangkah indahnya jika sikap sedemikian dipraktikkan oleh semua rakan pemimpin yang bukan beragama Islam tidak kira apa pegangan politik mereka.

Pernah suatu ketika mendiang menghadirkan diri dalam program sambutan Maal Hijrah peringkat negeri Pulau Pinang dan mengikuti sesi ceramah sehingga tamat program tersebut. Walhal jika diteliti, sebagai pemimpin bukan beragama Islam apa perlunya beliau berada di majlis tersebut di samping kesibukannya dengan tugas yang lain. Beliau boleh meninggalkan majlis dengan beralasan terlalu sibuk sepertimana alasan yang diberikan oleh sebahagian pemimpin-pemimpin kita dewasa ini. Barangkali, menghadirkan diri mendengar ceramah dan peringatan bersama-sama masyarakat bawahan merupakan sesuatu yang membosankan sehingga kesibukan dijadikan alasan. Ini tidak berlaku kepada beliau, beliau tetap bersama dengan masyarakat Islam biarpun pemimpin-pemimpin Islam yang lain tidak hadir ketika itu.

Negara kita yang serba unik ini akan senantiasa dilimpahi keharmonian dan kesejahteraan sekiranya sikap hormat-menghormati antara sesama masyarakat dipelihara biarpun berlainan bangsa dan agama. Apakah kita sudah lupa 7 wasiat yang pernah dititah oleh Raja Muda Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Shah yang dibaca semasa rancangan berita perdana TV1 pada 6 Ogos 2009 yang antara lain menyatakan pada wasiat yang kelima iaitu “kami isytiharkan Islam ialah agama persekutuan” serta wasiat ketujuh iaitu “kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada raja-raja Melayu untuk melindungi kedudukan istimewa kepada orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain”. Beliau menganggapnya sebagai wasiat yang bukan sahaja harus dipegang oleh bangsa Melayu, malah segenap lapisan masyarakat yang menetap di atas tanah daratan yang dinamakan Malaysia.

### **ISU PENGEDARAN BIBLE VERSI BAHASA MELAYU**

Pihak kerajaan telah bersetuju membenarkan pengeluaran secara terhad dan terkawal kitab Bible diberi nama “al-Kitab” dalam bahasa Malaysia, yang ditahan di Pelabuhan Kuching, Sarawak dan Pelabuhan Klang dan 30, 000 naskah yang ditahan di Pelabuhan Kuching.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jala dalam satu kenyataan berkata langkah kerajaan ini adalah selaras dengan warta 1982 di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan kitab itu mesti dicop dengan tag “Untuk Penganut agama Kristian sahaja”. Katanya lagi “sejak peruntukan undang-undang itu digunakan pada tahun 1982, tiada sebarang masalah atau isu yang timbul dengan pelaksanaannya”. Selain itu, Datuk Idris berkata kajian teliti oleh Jabatan Peguam Negara juga mendapati pengeluaran kitab-kitab itu tidak akan mengganggu dalam prosiding mahkamah berkaitan penggunaan kalimah Allah.

Menurut pandangan Harussani Zakaria, beliau secara peribadi amat terkejut dengan keputusan kabinet untuk membenarkan pendedaran Bible versi Melayu ini. Ketika isu ini bermula, beliau sangat mengharapkan parti-parti politik dan NGO Islam dan Melayu akan mencapai kesepakatan agar Bible versi Melayu akan diharamkan. Namun jangkaan beliau meleset kerana masih ada pertelagahan dalam hal ini, sesama umat Islam.

Beliau turut menyatakan pandangan bahawa pihak kerajaan tidak perlu tunduk pada desakan-desakan sebegini. Jika kerajaan boleh bertegas meneruskan saman ekor yang masih dipertikaikan asasnya dalam undang-undang, kerajaan patut bertegas dalam hal ini dan kenapa tidak dirujuk kepada JAKIM selaku agensi agama di peringkat persekutuan sebelum keputusan dibuat. Isu Bible versi bahasa Melayu ini dikatakan bagi kemudahan segelintir penganut Kristian di Sabah dan Sarawak, mereka tidak berbahasa Inggeris. Sama ada mereka bercakap Melayu, Kadazan, Murut dan lain-lain, yang dikira mereka yang benar-benar menggunakan bahasa Melayu, jumlahnya terlalu sedikit.

Harussani Zakaria tidak menentang dalam hal ini kerana bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan. Namun timbul persoalan di sini penggunaan kalimah yang sangat sinonim dengan Islam digunakan seperti kalimah “Allah” yang masih lagi di peringkat penghakiman digunakan di dalam Bible versi Melayu ini. Nama Bible ini pun sudah begitu mengelirukan iaitu “al-Kitab”.

Beliau menyatakan pendapat bahawa jika buku ini dijual di toko-toko buku sudah pasti ada di kalangan mereka yang akan menganggap buku ini bercerita tentang Islam. Begitu juga dengan panggilan nabi-nabi dalam Bible sebelumnya yang masyarakat Kristian kenali Nabi Yusuf dengan

“Joseph”, Musa dengan “Moses”, Daud dengan “David”, Yunus dengan “Johannes”, Nuh dengan “Noah”, Yaakob dengan “Jacob” dan banyak lagi

Beliau mengatakan bahawa mengapa tidak dikekalkan sahaja panggilan itu dalam sebutan yang asal. Ini menambahkan keraguan beliau kepada hasrat pihak-pihak yang mahu dan beriya-iya benar mahu Bible versi Melayu ini dibawa masuk. Apakah jaminannya nanti Bible versi Melayu tidak digunakan sebagai cara untuk menyebarkan dakyah Kristian di kalangan umat Islam. Hari ini umat Islam di Malaysia menjadi sasaran misionari Kristian untuk dimurtadkan.

Hakikat yang telah didedahkan oleh bekas-bekas paderi yang telah menganut Islam, misionari Kristian cuba menarik umat Islam dengan kepelbagaian cara sama ada dengan duit atau perangkap cinta. Beliau mengibaratkan umat Islam di Malaysia laksana berada di kapal bocor, yang sebahagiannya cuba ditampung oleh anak-anak kapal. Namun apabila kita membenarkan Bible versi Melayu ini, kita seolahnya membuka lubang yang lebih besar bagi membiarkan kapal ini lebih cepat tenggelam.

Kebenaran edaran ini sebenarnya merupakan satu tamparan hebat bagi kedudukan Islam sebagai agama persekutuan yang mempunyai yang istimewa berbanding agama lain. Di Perak telah diwartakan satu fatwa penggunaan kalimah Allah hanya merujuk kepada Tuhan Yang Maha Esa dalam agama Islam sahaja. Di mana dengan Perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan bahawa:

- i) Penggunaan kalimah Allah hanya dikhususkan kepada umat Islam.
- ii) Mana-mana pengikut selain daripada penganut agama Islam adalah dilarang daripada menggunakan kalimah Allah untuk sebarang tujuan atau maksud.
- iii) Orang-orang yang bukan beragama Islam adalah dilarang daripada menggunakan kalimah Allah dalam apa jua penerbitan, penyiaran dan penyebaran apa-apa buku, risalah, filem, video dan sebagainya.

Ini bermakna pengedaran Bible versi Melayu ini merupakan kesalahan jenayah. Penjenayah itu wajar ditangkap kerana tidak menghormati fatwa yang telah dikeluarkan. Akhirnya, beliau ingin menyatakan bahawa beliau tidak sesekali ingin meniadakan hak masyarakat bukan Islam di negara ini. Ini kerana sama ada dalam Islam atau perlembagaan negara, memang memberikan hak kepada sesiapa pun untuk mengamalkan agama mereka. Namun dalam isu Bible versi Melayu ini jelas akan memberikan kemudahan kepada umat Islam sama ada dalam jangka masa panjang atau pendek. Beliau berharap isu ini dapat diteliti dengan lebih terperinci oleh kerajaan dan pembangkang terutamanya bagi mereka yang beragama Islam.

## **MURTAD: PUNCA KERUNTUHAN NEGARA**

**Kewajipan Pemerintah Adalah Untuk Menjaga Akidah Penduduk Negerinya**

Di samping tugas-tugas membangunkan negara ke arah menuju negara maju wawasan 2020 dari sudut pencapaian ekonomi, sosial dan sebagainya salah satu aspek penting yang amat perlu diberi perhatian ialah menjaga akidah majoriti penduduk di negara ini. Ketidakstabilan urusan akidah pihak majoriti rakyat negara ini diyakini akan menjejaskan sektor-sektor lain dalam pentadbiran

pembangunan negara. Membiarkan isu murtad terus melanda umat Islam negara ini amat bertentangan dengan kehendak pemerintahan dalam Islam serta bersalahan dengan salah satu rukun negara iaitu kepercayaan kepada Tuhan (dengan mengambil kira majoriti penduduk negara ini sebagai orang Islam) dan bertentangan dengan salah satu prinsip Islam Hadhari iaitu iman dan taqwa kepada Allah.

### **BUKTI ISU MURTAD ADALAH TANGGUNGJAWAB NEGARA**

Sejarah Islam telah memaparkan kepada kita betapa isu murtad merupakan isu yang perlu ditangani segera secara pantas dan berhikmah oleh negara walaupun yang murtad itu hanyalah seorang kerana menurut pepatah Arab: Maksudnya:

معظم النار من مستصغر الشرر

Api yang marak itu bermula dari puncanya yang kecil

Para fuqaha sependapat bahawa pelaksanaan hukum terhadap orang yang murtad adalah terletak di atas tanggungjawab pemerintah agar tidak sewenang-wenang menuduh, menjatuhkan hukuman serta melaksanakan hukuman dilakukan oleh rakyat biasa kerana ditakuti ianya tidak akan menyampaikan kepada matlamat syarak itu sendiri iaitu untuk menjaga keamanan, keadilan dan keselamatan bahkan akan memporak-perandakan lagi masyarakat.

### **FENOMENA MURTAD DI MALAYSIA**

Menurut pengertian syarak riddah ialah kembali daripada agama Islam kepada kekufuran atau dengan perkataan yang mempersendakan, kedegilan ataupun iktikad.

Dengan yang demikian, orang yang murtad ialah orang yang kembali daripada Islam kepada kekufuran. Umpama orang yang mengingkari kewujudan Allah yang maha pencipta, menafikan para rasul, membohongi seseorang rasul, menghalalkan perkara yang haram secara ijmak seperti zina, liwat, minum arak dan melakukan kezaliman atau mengharamkan perkara yang halal secara ijmak seperti jual beli dan nikah kahwin atau menafikan perkara yang wajib yang telah disepakati ulama ke atasnya, seperti menafikan satu rakaat daripada solat fardhu lima waktu, atau mengiktikadkan perkara wajib perkara yang tidak wajib secara ijmak seperti tambah rakaat pada solat fardhu, atau berazam untuk menjadi kafir pada esok hari ataupun berbolak balik untuk menjadi kafir. Contoh perbuatan yang boleh menyebabkan kekafiran ialah meletakkan al-Quran atau buku Hadith an-Nabawi ke atas perkara-perkara kotor dan keji, sujud kepada berhala ataupun matahari.

Di Malaysia fenomena murtad banyak dilatari oleh:

- i. Pengaruh ajaran-ajaran sesat seperti Ajaran Anti Hadith, Martabat Tujuh, Ayah Pin dan sebagainya.
- ii. Dakyah-dakyah dari ekstrimis penganut-penganut agama lain seperti Kristianisasi, golongan pelampau Hindu dan lain-lain.
- iii. Golongan muda-mudi yang fanatik terhadap hiburan dan muzik seperti golongan Black Metal, JIT (Jangan Ikut Tuhan) dan sebagainya.

- iv. Pengaruh perbomohan dan mistik
- v. Faktor ekonomi
- vi. Faktor percintaan
- vii. Perbuatan sihir seperti Holy Water dan sebagainya

Isu-isu yang menjadi ikon kes murtad di Malaysia adalah seperti kes Noraisyah Hj Bohari, kes Hartina Hj Kamaruddin, kes pembunuhan Dr. Joe Fernandez yang sangat masyhur dikaitkan dengan kes pemurtadan telah menjadikan masyarakat Islam di Malaysia berada dalam suasana keluh kesah dan tidak mustahil akan melahirkan tindak balas yang ekstrim.

### **KESAN MURTAD TERHADAP NEGARA**

Faktor penyebaran agama sesat yang menimbulkan fenomena murtad jika tidak dibendung akan menyebabkan bahaya kepada keharmonian masyarakat disebabkan guru-guru atau pengasas ajaran-ajaran ini akan menanamkan perasaan taat yang tidak berbelah bagi dan akan berbuat apa sahaja demi membela ajaran atau doktrin gurunya seperti yang berlaku kepada kumpulan al-Maunah.

Jikalau apa yang pernah dilaporkan berlaku di mana seorang wakil rakyat Kristian dikatakan dibunuh oleh sebuah kumpulan Islam yang militan di atas usaha-usaha pemurtadannya terhadap anak Melayu, maka apa yang dibimbangi oleh sesetengah pihak selama ini sudah menjadi kenyataan.

Kemunculan gerakan Islam Melayu yang militan bukanlah satu fatamorgana. Ia muncul hasil pemikiran global yang terhasil daripada proses globalisasi maklumat dan pengalaman sejak sedekad dua yang lampau seperti maklumat di internet dan pengalaman berperang di Afghanistan, Ambon, Maluku dan sebagainya. Ia bukan lagi satu dari siri al-Maunah yang boleh disindir sinis dan ditertawakan orang. Ia satu hakikat yang sedang berlaku atau berpotensi untuk berlaku.

Undang-undang untuk mencegah murtad di Malaysia sebenarnya masih kurang. Pegawai penguatkuasaan agama negeri sendiri sering kecewa dengan keadaan ini. Ramai di antara mereka yang simpati kepada keluarga yang terlibat yang datang mengadu hal tentang anak mereka. Mereka ada membantu, tetapi apa yang boleh dilakukan oleh pegawai-pegawai tersebut kadang-kala terpaksa ditanggung sendiri oleh mereka akan risikonya.

Tetapi demi menjaga akidah anak bangsa sendiri, golongan yang makan gaji dengan kerajaan ini kadang-kala sanggup menghadapi risiko itu. Mereka yang berani ini, yang kadang-kala terpaksa melakukan pendekatan sendiri sahaja.

Pihak-pihak lain yang sering membantu mangsa murtad ini juga hanya dapat melakukannya dalam skop yang terdaya oleh mereka, sama ada dari sudut kewangan mahupun tenaga. Kebanyakannya melakukannya secara sukarela dan tidak bergaji. Lambat-laun mereka ini akan kepenatan apabila tiba satu tahap di mana jumlah mangsa murtad sudah tidak terkawal lagi.

Apabila undang-undang sudah tidak memihak kepada rakyat lagi, maka rakyat akan menjadi hakim negara, dan ini tidak terkecuali dalam isu murtad bagi umat Islam. Apabila hukum murtad sudah sabit terhadap orang yang murtad (hukum bunuh bagi sesetengah pihak) dan

mahkamah, parlimen serta pasukan keselamatan tidak menjalankan tanggungjawab pelaksanaan itu, maka sudah tiba bagi rakyat untuk melaksanakannya, terutamanya apabila isu ini sudah tidak terkawal dan memalukan umat Islam sendiri yang menjadi majoriti di Malaysia.

Apabila rakyat (atau umat Islam dalam isu ini) mula mengambil undang-undang di tangan sendiri atas kepercayaan bahawa apa yang mereka lakukan itu adalah satu ibadat atau jihad, maka pemerintah dan orang politik dalam apa parti sekalipun tidak dapat menyalahkan mereka. Tindakan undang-undang mungkin boleh diambil dan langkah keselamatan mungkin boleh diambil dan langkah keselamatan mungkin boleh diperketatkan, tetapi itu hanya akan menjadikan mereka itu lebih kuat, gagah dan kreatif. Contohnya sudah dapat dilihat dalam gerakan reformasi itu sendiri yang semakin ditekan oleh pihak berkuasa dan keselamatan tetapi semakin marak apinya.

Daripada penjelasan ringkas ini, mungkin dapat kita fahami mengapa sesetengah ulama Islam yang muktabar dan dihormati di dunia seperti as-Syahid Sheikh Abdul Kadir Audah dan Syed Sheikh Sabiq menetapkan hukuman bunuh kepada pesalah murtad.

Ia adalah semata-mata untuk menjaga keamanan negara daripada berlakunya fitnah besar yang berpunca daripada murtad. Dan fitnah besar itu adalah kemungkinan berlakunya pembunuhan demi pembunuhan dalam masyarakat yang selama ini hidup aman dan harmoni (dalam keadaan tidak berlakunya murtad atau berada di tahap minima).

Setiap pihak semestinya melihat isu murtad ini sebagai isu nasional, bukan lagi sebagai isu peribadi dengan mengambil kira realiti majoriti penduduk negara ini adalah beragama Islam dan tindak balas dari penduduk muslim secara agresif dan diluar undang-undang akan mudah meledak dengan faktor-faktor langit terbuka dan kemajuan teknologi maklumat, jika masalah ini tidak dilihat secara serius.

Menurut Harussani Zakaria, beliau mencadangkan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan iaitu setiap negeri mempraktikkan peruntukan undang-undang yang mengawal dakyah agama lain terhadap agama Islam seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Seksyen 11 (4) undang-undang negeri mengenai wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang Persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam.

Selain itu, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri perlu menafsirkan semula frasa “menggangu ketenteraman awam” supaya sesuai dengan status negara ini sebagai sebuah negara Islam dan gagasan Islam Hadhari sebagai falsafah negara supaya memasukkan jenayah memurtadkan orang Islam termasuk dalam senarai jenayah serius dan boleh diambil tindakan dengan menggunakan peruntukan ISA termasuklah juga jenayah ajaran sesat.

Seterusnya, setiap pihak perlu bekerjasama membendung masalah murtad lebih-lebih lagi ibu bapa, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan berperanan mengukuhkan akidah umat Islam dengan mengadakan program bermanfaat kepada umat dan mengawal penayangan filem-filem berunsur diayah agama lain seperti Bollywood dan lain-lain, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat berperanan memupuk budaya saling hormat-menghormati sesama rakyat berbilang kaum untuk tidak mencampuri agama lain. Jabatan Pendaftaran Negara



sangat berperanan menyalurkan maklumat kes-kes percubaan menukar nama dari nama-nama Islam kepada bukan Islam. Kerajaan perlu menimbang dan memberikan sumber yang mencukupi kepada Jabatan Agama Islam negeri-negeri untuk memulihkan dan menjalankan usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan dengan dilindungi secukupnya oleh undang-undang.

## KESIMPULAN

Berdasarkan kepada pemikiran Harussani Zakaria tentang kepentingan ulama, dapatlah penulis merumuskan bahawa peranan ulama adalah penting sebagaimana terdapat di dalam sejarah Islam dan ianya tidak wajar diperkecil-kecilkan. Tanpa mereka, dunia Islam dan tamadun Islam mungkin boleh dihapuskan oleh peta dunia berikutan Perang Salib dan penaklukan Mongol pada kurun ke-11 dan 13. Golongan ulama lah yang berusaha memelihara, melindungi dan meneruskan integriti kesarjanaan dan ajaran Islam sehingga kini. Inilah jasa terbesar ulama yang tidak terbalas oleh umat Islam. Malah, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria sendiri telah menjadi profesional dalam pelbagai bidang kerana dorongan dan semangat ulama. Justeru itu, pemikiran Harussani Zakaria adalah suatu buah fikiran yang sangat bermanfaat yang mana ia adalah suatu bentuk pemikiran dakwah Islam yang bertujuan untuk menyebarkan dakwah Islamiah sekaligus mengukuhkan kedudukan Islam.

Sesungguhnya Harussani Zakaria telah berjaya membentuk cara berfikir dan bekerja di kalangan ahli-ahli muzakarah fatwa kerana beliau mempunyai kekuatan dan daya tarikan dakwah yang tersendiri. Kekuatannya itu termasuklah kefasihan dan kepetahannya dalam berhujah dan mengeluarkan pandangan. Beliau juga mampu menghubungkan kaitkan di antara ilmu agama dan isu semasa. Ini adalah disebabkan oleh latar belakang keluarga beliau yang sangat menekankan ajaran Islam serta pergaulannya dengan alim ulama.

Sesungguhnya jasa beliau terlalu besar. Namun demikian adalah dipercayai bahawa tidak ramai yang mengetahui ketokohan dan pemikiran yang disumbangkan oleh beliau terhadap masyarakat lantaran penglibatan beliau sebagai mufti. Oleh sebab itu, pemikiran beliau wajar diketengahkan lebih-lebih lagi perjuangan beliau yang telah banyak membawa kemaslahatan kepada masyarakat.

## Rujukan

Al-Quran al-Karim

Azman Ab Rahman. 2008. *Biografi Mufti-mufti Malaysia*. USIM: Ampang Press Sdn. Bhd: Kuala Lumpur

Bahagian Unit Fatwa dan Istinbat. t.th. *Fikrah Mufti*. Ipoh: Jabatan Mufti Perak.

Harorld Laski dan John L. Stanley. 1997. *The Rise of European Liberalisme*. London: London Press

Harussani Zakaria. 2013. Mufti Perak. Jabatan Mufti Perak. Temubual. 16 April 2013.

Harussani Zakaria. 2010. *Indahnya Islam Mengatur Kita*. Mustread Sdn. Bhd.: Kuala Lumpur

<http://www.arkib.gov.my>

- Hussaini Amran. 2013. Perpaduan Melayu Amat Penting. *Utusan Malaysia*, 9 Mei.
- Jabatan Mufti Perak (atas talian) [http:// mufti.perak.gov.my/profil/profil.htm](http://mufti.perak.gov.my/profil/profil.htm).
- Jaffary Awang dan Kamaruddin Salleh. 2007. *Pemikiran Islam dan Isu-isu Semasa*. UKM: Bangi.
- Khalif Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam liberal*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Kamaruddin bin Adam. 2013. Pengawai Fatwa. Jabatan Mufti Perak. Temubual. 16 April 2013.
- Kesumawati binti Nawi. 2013. Penolong Tadbir Kesetiausahaan. Jabatan Mufti Perak. Temubual. 16 April 2013.
- Mohd. Fauzi Hamat, Mohd Fakhrudin Abd. Mukti, Che Zarina Sa'ari. 2006. *Pemikiran Islam Dan Cabaran Semasa*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia: Kuala Lumpur.
- Mohd Jamil bin Mukmin, 2009. *Gerakan Islam di Malaysia: Kesenambungan Respons dan Perubahan (1957-200)*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UITM: Selangor
- Nadya binti Jambri. 2013. Penolong Pengawai Fatwa. Jabatan Mufti Perak. Temubual. 16 April 2013.
- Norani Othman, Kessler, Clive dan Puthuchear, Mavis. 2008. *Sharing the Nation: Faith, Difference, Power and the State 50 Years after Merdeka*. Petaling Jaya: SIRD
- Yusuf al-Qaradhawi. 2000. *Jenayah Murtad dan Hukumannya Menurut Perspektif Al-Quran dan al-Sunnah*. RMI Multimedia Publishing: Selangor.
- Zambri bin Hashim. 2008. *Nasihat-nasihat Mufti Untuk Membaiki Keadaan Umat*. Jabatan Mufti Perak: Ipoh.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2008. *Fatwa dan Mufti: Hukum, Etika dan Sejarah*. USIM: Bandar Baru Nilai: Negeri Sembilan.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2013. *Kalimah Allah Isu dan Penyelesaiannya*. Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.: Negeri Sembilan.